

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK – i-Am Care

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai pelan i-Am Care. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat di dalam sijil setelah permohonan anda diterima.

AmMetLife Takaful Berhad (AmMetLife Takaful) ialah pengendali takaful keluarga berdaftar dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

1. Apakah i-Am Care?

i-Am Care adalah pelan takaful perubatan dan kesihatan individu yang membayar perbelanjaan perubatan sekiranya berlaku kemasukan ke hospital dan pembedahan sehingga had tahunan keseluruhan.

2. Apakah konsep-konsep Syariah yang digunakan?

• Wakalah

Pelan ini menggunakan konsep wakalah (agensi), di mana semua pemegang sijil melantik AmMetLife Takaful untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melaburkan dan menguruskan Dana Risiko Peserta-Peserta (DRP). AmMetLife Takaful berhak menerima fi wakalah untuk menguruskan dan melaburkan dana.

• Tabarru'

Pelan ini menggunakan konsep tabarru', di mana semua pemegang sijil bersetuju untuk menderma sebahagian daripada sumbangan dibayar yang telah ditentukan ke dalam DRP untuk tujuan bantuan bersama dan pertolongan kepada semua peserta ketika ditimpa musibah.

• Qardh

Pinjaman tanpa faedah daripada AmMetLife Takaful sekiranya DRP berada dalam keadaan defisit. Pinjaman ini akan dibayar semula daripada lebihan yang terhasil dari DRP pada masa hadapan.

3. Apakah perlindungan-perindungan / manfaat-manfaat yang disediakan?

Manfaat-manfaat pelan ini adalah:

Jenis Pelan	Pelan 200
Manfaat Kemasukan Hospital	
Bilik & Penginapan (maksimum seratus lima puluh (150) hari)	RM200
Unit Rawatan Rapi (maksimum tujuh puluh lima (75) hari)	RM300
Pelbagai Perkhidmatan Hospital	*Seperti caj yang dikenakan
Fi Bilik Pembedahan	
Manfaat Pembedahan	
Fi Pakar Bius	
Manfaat Pra & Rawatan Susulan Hospital	
Perkhidmatan Diagnostik Prahospital (dalam tempoh enam puluh (60) hari sebelum masuk hospital atau pembedahan)	* Seperti caj yang dikenakan
Rundingan Doktor Pakar Prahospital (dalam tempoh enam puluh (60) hari sebelum masuk hospital atau pembedahan)	
Rawatan Susulan Selepas Keluar Hospital (dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh keluar hospital)	
Pendapat Pembedahan Kedua (dalam tempoh enam puluh (60) hari sebelum pembedahan)	
Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (maksimum dua (2) lawatan sehari)	
Manfaat Pesakit Luar	
Rawatan Kecemasan untuk Kecederaan akibat Kemalangan termasuk Kecederaan gigi (maksimum tiga puluh satu (31) hari untuk rawatan susulan)	RM2,000
Fisioterapi pesakit luar (dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh keluar hospital)	* Seperti caj yang dikenakan
Prosedur jagaan harian	
Fi Ambulans	
Fi Rekod Perubatan	RM80

Manfaat Malapetaka Perubatan	
Rawatan Kanser Pesakit Luar (maksimum setahun)	RM40,000
Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar (maksimum setahun)	RM40,000
Pemindahan Organ (sekali seumur hidup)	RM75,000
Lain-lain Manfaat	
Cukai Kepenggunaan Berkaitan	* Seperti caj yang dikenakan
Had Tahunan Keseluruhan	RM100,000
Had Seumur Hidup	Tiada

Nota:

Semua manfaat adalah seperti yang dikenakan berdasarkan caj yang munasabah dan lazim di Malaysia, tertakluk kepada had tahunan keseluruhan.

4. Berapakah sumbangan yang perlu saya bayar?

- Jumlah sumbangan yang anda perlu bayar akan berbeza mengikut umur dicapai (hari lahir berikutnya), jantina dan kelas pekerjaan anda.
- Sumbangan tahunan mengikut kelas pekerjaan anda adalah seperti dibawah:

Umur Dicapai Pada Hari Lahir Berikutnya	Kelas Pekerjaan 1		Kelas Pekerjaan 2		Kelas Pekerjaan 3		Kelas Pekerjaan 4	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
18 – 35	1,193	1,193	1,193	1,193	1,476	1,476	1,759	1,759
36 – 45	1,536	1,536	1,536	1,536	1,905	1,905	2,274	2,274
46 – 50	2,066	2,066	2,066	2,066	2,567	2,567	3,069	3,069
51 – 54*	2,066	2,066	2,066	2,066	2,567	2,567	3,069	3,069

*Hanya terpakai untuk pelanggan sedia ada yang telah menyertai sebelum umur 50 tahun hari lahir berikutnya.

- Ini adalah pelan yang dijamin boleh diperbaharui sehingga umur tamat tempoh. Sumbangan tahunan akan meningkat mengikut usia dicapai (hari lahir berikutnya) pada ulang tahun sijil.
- Sumbangan tidak dijamin. Sumbangan boleh diselaraskan berdasarkan portfolio berdasarkan pertimbangan inflasi perubatan dan faktor lain yang mungkin memberi kesan kepada kemampuan portfolio. Kami akan memberitahu anda sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari sebelum sebarang perubahan sumbangan.
- Kaedah pembayaran: Perbankan dalam talian atau JomPay. Bayaran sumbangan tahunan akan dibuat selepas kami telah menerima permohonan anda. Kami akan menghubungi anda untuk memaklumkan sama ada permohonan anda diterima atau ditolak.

5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

• Fi Wakalah

Wakalah Fi adalah kombinasi amaun tetap RM60, ditambah 30% daripada sumbangan selepas ditolak amaun tetap.

• Tabarru'

Amaun tabarru' adalah sumbangan setelah ditolak Fi Wakalah. Amaun tabarru' akan dimasukkan ke dalam DRP.

• Komisyen

Tiada komisyen akan dibayar di bawah sijil ini.

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat yang perlu saya ketahui?

- Kepentingan Pendedahan** - Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur/ tarikh lahir anda dengan betul.
- Tempoh Rujukan Percuma** - Anda boleh membatalkan sijil dengan memberi notis secara bertulis kepada AmMetLife Takaful dalam masa 15 hari daripada tarikh sijil diterima oleh anda. Pada masa pembatalan, AmMetLife Takaful akan memulangkan amaun sumbangan yang telah dibayar kepada anda.
- Tempoh Menunggu** - Pelan ini hanya akan bermula tiga puluh (30) hari dari tarikh kuatkuasa, untuk penyakit selain daripada penyakit spesifik. Untuk penyakit spesifik, tempoh menunggu adalah seratus dua puluh (120) hari. Tempoh menunggu ini tidak terpakai untuk sebab kemalangan. Sila rujuk [Frequently Asked Questions](#) untuk senarai Penyakit Spesifik.
- Tempoh Tangguh** - Anda mempunyai tiga puluh (30) hari dari tarikh tamat tempoh sumbangan untuk membayar setiap sumbangan yang perlu dibayar. Sekiranya sumbangan tidak dibayar pada akhir tempoh tangguh, sijil anda akan ditamatkan.

- **Peningkatan Bilik & Penginapan (B&P)** - Sekiranya peserta dimasukkan ke hospital di B&P yang lebih tinggi daripada B&P yang layak, maka peserta perlu membayar lebih B&P dan 20% daripada perbelanjaan yang layak. Pembatalan portfolio pada keseluruhannya akan diberitahu secara bertulis kepada anda sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum pihak kami menguatkuasakan klausa penarikan portfolio dan kami akan meneruskan kesemua sijil-sijil sedia ada dalam portfolio sehingga tempoh perlindungannya luput.
- **Keadaan Penarikan Portfolio** - Kami berhak untuk membatalkan portfolio pelan ini keseluruhannya jika kami memutuskan untuk menghentikan pengunderaitan pelan ini. Kami akan memberikan notis terlebih dahulu kepada peserta dan kami akan melepaskan semua sijil sehingga tamat tempoh perlindungan semasa dalam portfolio.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil untuk terma-terma dan syarat-syarat yang lengkap.

7. Apakah pengecualian-pengecualian yang utama?

Pelan ini tidak melindungi perkara-perkara berikut:

- a) Penyakit sedia ada.
- b) Penyakit Spesifik yang terjadi dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama perlindungan secara berterusan.
- c) Sebarang masalah perubatan atau fizikal yang terjadi dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh perlindungan Peserta kecuali kecederaan akibat kemalangan.
- d) Pembedahan kosmetik/plastik, berkhatan, pemeriksaan mata, kaca mata atau refraksi mata, atau pembedahan pembetulan ke atas rabun jauh (Radial Keratotomy atau Lasik) dan penggunaan atau pengambilan alat prostetik luaran seperti anggota badan palsu, peralatan pendengaran, alat 'pacemakers' dan preskripsi berkaitan.
- e) Keadaan pergigian seperti rawatan pergigian atau pembedahan pergigian kecuali yang diperlukan akibat kecederaan Kemalangan ke atas gigi semulajadi yang sihat, yang berlaku semasa tempoh perlindungan takaful.
- f) Penjagaan persendirian, pemulihan rehat atau penjagaan sanitari, dadah yang tidak diluluskan, kemabukan, pemandulan, penyakit kelamin dan berkaitan dengannya, AIDS (Acquired Immune Deficiency Syndrome) atau ARC (Kompleks berkaitan AIDS) dan penyakit-penyakit berkaitan HIV (Human Immunodeficiency Virus), dan sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan pengasingan dari segi undang-undang.
- g) Sebarang rawatan atau pembedahan bagi ketidaknormalan sejak lahir, atau kecacatan termasuklah penyakit keturunan.
- h) Kehamilan, kelahiran (termasuk kelahiran melalui pembedahan), keguguran, pengguguran dan penjagaan dan pembedahan sebelum dan selepas kelahiran, kaedah kontraseptif secara mekanikal atau kimia untuk kawalan mengandung, atau rawatan berkaitan kemandulan. Disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan mati pucuk atau pensterilan.
- i) Dimasukkan ke hospital terutamanya untuk tujuan ujian, diagnosis, ujian x-ray, pemeriksaan am fizikal atau perubatan, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi, atau sebarang rawatan yang bukannya Perlu Daripada Segi Perubatan dan rawatan pencegahan, perubatan pencegahan atau pemeriksaan yang dijalankan oleh pegawai Pakar Perubatan, dan rawatan-rawatan khusus untuk mengurangkan atau menambah berat badan.
- j) Membunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan yang disengajakan semasa waras atau tidak waras.
- k) Peperangan atau sebarang perlakuan peperangan, diisytiharkan atau tidak, aktiviti-aktiviti jenayah atau penganas, bertugas di dalam mana-mana pasukan bersenjata, penglibatan secara langsung di dalam mogok, penentangan dan kegemparan awam atau pemberontakan.
- l) Pengionan radiasi atau pencemaran akibat aktiviti radioaktif dari bahan nuklear atau bahan buangan nuklear hasil proses penggabungan nuklear atau dari mana-mana bahan senjata nuklear.
- m) Perbelanjaan yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ badan oleh Peserta dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma semasa pemindahan organ atau sebarang komplikasi daripadanya.
- n) Siasatan dan rawatan untuk gangguan tidur dan berdengkur, terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, perkhidmatan atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan kiropraktik, akupunktur, acutekan, refleksologi, penetapan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma atau rawatan alternatif lain.
- o) Penjagaan atau rawatan yang mana bayaran tidak dikenakan atau dibayar oleh mana-mana takaful lain atau perlindungan lain yang melindungi Peserta dan Hilang Upaya yang timbul dari tugas pekerjaan atau profesion yang dilindungi di bawah Kontrak Takaful Perlindungan Pekerja.
- p) Gangguan psikotik, mental atau kegugupan (termasuklah sebarang neurosis dan tanda-tanda psikologikal atau psikosomatik dari gangguan tersebut).
- q) Kos/perbelanjaan bagi khidmat yang bersifat bukan-perubatan, seperti televisyen, telefon, khidmat teleks, radio atau kemudahan seumpamanya, kit/pek pendaftaran masuk dan barang bukan-perubatan lain yang tidak layak.

- r) Penyakit atau Kecederaan akibat daripada sebarang perlumbaan (kecuali perlumbaan berjalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun udara, luncur air, aktiviti bawah laut yang memerlukan perkakas pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti-aktiviti haram.
- s) Penerbangan persendirian selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual dan berlesen untuk menerbangkan penumpang melalui laluan yang ditetapkan.
- t) Perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantung.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil untuk terma-terma dan syarat-syarat yang lengkap.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami dalam Tempoh Rujukan Percuma. Kami akan memulangkan sumbangan yang telah anda bayar. Anda tidak digalakkan untuk membatalkan sijil anda selepas Tempoh Rujukan percuma kerana tiada nilai serahan yang akan dibayar kepada anda. Walaubagaimana pun, kami akan melindungi anda sehingga satu hari sebelum tarikh sumbangan berikutnya perlu dibayar.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika ada perubahan kepada butiran untuk menghubungi saya?

Anda perlu memberitahu AmMetLife Takaful secara bertulis jika ada perubahan kepada butiran untuk menghubungi anda bagi memastikan semua surat menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Di mana boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai takaful keluarga, sila rujuk kepada buku nota kecil insuranceinfo mengenai "Takaful Keluarga". Ianya boleh didapati di pejabat kami atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda ada sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmMetLife Takaful Berhad (931074-V)

Tingkat 23, Menara 1 Sentrum,
No. 201, Jalan Tun Sambanthan,
50470, Kuala Lumpur

Pusat Perkhidmatan Pelanggan

Tingkat 6, Menara 1 Sentrum,
No. 201, Jalan Tun Sambanthan,
50470, Kuala Lumpur
Tel: 1 300 22 9777 Fax: (603) 2272 3229
Emel: customercare@ammetlifetakaful.com
Laman Sesawang: ammetlifetakaful.com

SMS

Taip AMT<jarak>Pesanan
Hantar ke 33911

11. Perlindungan Takaful Keluarga lain yang serupa.

Sila hubungi kami untuk pelan lain yang serupa yang ditawarkan oleh AmMetLife Takaful.

NOTA PENTING:

ANDA HENDAKLAH MEMILIH JENIS SIJIL YANG BERSESUAIAN DENGAN ANDA. ANDA HARUSLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

1. Sila ambil perhatian bahawa dokumen ini hanya untuk rujukan sahaja dan tidak menjadi sebahagian daripada sijil dan/atau nasihat professional. Terma-terma dan syarat-syarat penuh pelan ini dinyatakan di dalam sijil.
2. Anda mestilah berpuashati bahawa pelan ini menepati keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah sijil ini adalah amaun yang anda mampu bayar.
3. Untuk anggaran keperluan perlindungan, anda boleh menggunakan [Kalkulator Keperluan Kewangan](#).

Maklumat di dalam Helaian Pendedahan Produk ini sah pada **<TODAY'S DATE>**